

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN BANJIR DI KAWASAN PARLIMEN KLANG

Ucapan : YB. Charles Santiago (Klang)
Tajuk Ucapan : Memohon Kerajaan Persekutuan Menangani
dan Mempercepatkan Pelaksanaan Pelan
Mitigasi Banjir di Kawasan Parlimen Klang
Tarikh Ucapan : 23 Mei 2016 (Isnin)
Kementerian : Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Bahawa Dewan mengizinkan Charles Santiago, Ahli Parlimen Klang untuk menanggung Dewan mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendaki disegerakan, iaitu Kerajaan Persekutuan Harus Mengambil Alih Pelaksanaan Pelan Mitigasi Banjir di Klang.

Pada hari Ahad yang lepas (15 Mei 2016), rakyat di kawasan Parlimen Klang terpaksa menghadapi banjir yang amat teruk sekali. Lebih kurang 2/3 daripada Klang adalah di bawah air pada petang hari berkenaan.

Banjir ini menenggelamkan sebanyak 15-20 taman perumahan, bank-bank, industri kecil dan sederhana termasuk Hospital Tengku Ampuan Rahimah. Ini telah menyebabkan kerosakan harta benda dan kerugian kepada ahli perniagaan. Penduduk hidup dalam keadaan ketakutan walaupun hujan yang renyai.

Kawasan ini telah dibanjiri dua minggu lalu dan ini menunjukkan bahawa ada masalah berstruktur. Malah hujan selama 20-30 minit boleh menyebabkan banjir.

Rakyat Klang percaya bahawa masalah ini boleh diselesaikan jika sekiranya pihak berkuasa seperti Jabatan Pengairan dan Saliran dan Majlis Perbandaran Klang mempunyai kemahuan politik untuk menyelesaikan isu ini, memandangkan masalah banjir ini adalah satu masalah yang lama.

Kemungkinan terdapat unsur penyelewengan atau rasuah memandangkan kolam tadahan air yang baru dibina tidak berfungsi pada waktu banjir melanda dan dikatakan pam rosak. Banjir ini adalah hasil daripada kegagalan perancangan dan kekurangan pelaksanaan pelan mitigasi banjir.

Jabatan Meteorologi mengatakan keadaan cuaca atau La Nina akan meningkatkan hujan dan kemungkinan banjir adalah tinggi.

Sebagai kesediaan untuk menangani La Nina JPS perlu mengimplementasikan pelan mitigasi banjir dalam masa yang singkat supaya dapat memberi keyakinan kepada rakyat bahawa banjir besar-besaran tidak akan berlaku di Klang.

Sehubungan dengan itu, satu laporan audit mesti dikemukakan oleh JPS supaya kelemahan dapat dikenalpasti.

JPS juga perlu diberi peruntukan yang lebih tinggi untuk menangani masalah ini.

Oleh yang demikian, Dewan yang mulia ini harus membahaskan permohonan ini demi kepentingan rakyat dan Kerajaan ada tanggungjawab untuk menentukan kualiti kehidupan rakyat dijamin.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil maklum berhubung kejadian banjir yang berlaku pada 15 Mei 2016 di kawasan Parlimen Klang yang melibatkan kawasan pembangunan dan penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan.

Punca Banjir

Banjir pada hari tersebut adalah disebabkan hujan lebat yang direkodkan di Stesen Hujan Jalan Kebun sebanyak 61mm dan di Stesen Hujan Teluk Gadong sebanyak 51mm yang merupakan bacaan yang tinggi dalam tempoh yang singkat.

Keadaan ini menyebabkan jumlah air larian permukaan (*surface run off*) yang begitu banyak dan telah tidak dapat ditampung oleh sistem perparitan sedia ada dibawah penyelenggaraan PBT berkaitan.

Sewaktu kejadian tersebut berlaku, **beberapa pintu air yang dikawal dan diselenggara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) adalah terbuka** seperti di Teluk Gadong. Peristiwa ini menyatakan bahawa paras air Sungai Kelang adalah rendah dan kejadian banjir bukanlah disebabkan oleh limpahan Sungai Kelang. Ia adalah banjir berpunca dari saluran dalaman (*internal drainage*) yang tersumbat atau tidak berkemampuan menyalurkan air dengan cepat ke sungai.

Adalah dilaporkan juga sebahagian kawasan yang terlibat banjir adalah berada pada *platform* (aras tanah) yang rendah daripada pembangunan jalan sedia ada.

Di samping penerimaan jumlah hujan yang melebihi kadar biasa dalam tempoh yang singkat, kejadian banjir ini juga berlaku disebabkan pembangunan yang tidak mengambil kira aspek teknikal seperti yang telah dinyatakan oleh pihak JPS. Antara ulasan yang diberikan adalah sistem perparitan yang disediakan perlu mematuhi garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2000.

Adalah disyorkan audit yang dicadang dilaksanakan oleh Unit Audit Dalaman, Kerajaan Negeri Selangor. Kandungan audit dicadangkan meliputi perancangan pembangunan dan pematuhan syarat-syarat, garis panduan serta nasihat teknikal contohnya pematuhan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA). JPS bersedia untuk membantu untuk menyertai pasukan audit berkenaan sekiranya dijemput oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Tindakan Yang Boleh Dilaksanakan – Jangka Pendek

Langkah pro aktif yang dilaksanakan oleh JPS adalah memasang beberapa pam tenggelam (*submerible pam*) di beberapa lokasi strategik di Pintu Air Jalan Papan, Pintu Air Telok Gadong dan Pintu Air Jalan Tepi Sungai Daerah Klang sebagai persediaan sekiranya pintu air tertutup bagi mengeluarkan air dengan segera ke Sungai Kelang.

JPS juga menyarankan PBT terlibat dapat membuat penyelenggaraan segera ke atas alur yang mungkin tersumbat oleh sampah pokok dan sebagainya seiring dengan Keputusan Jemaah Menteri Mengenai Pembahagian Tanggungjawab Pengurusan Sungai di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 19 Jun 1996 yang memutuskan bahawa tanggungjawab mengurus dan menyelenggara sistem perparitan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah tanggung jawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing. Perkara ini juga terkandung di dalam Seksyen 50, Akta, Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) mengenai perkara yang sama.

Tindakan Yang Boleh Dilaksanakan – Jangka Panjang

Bagi menangani masalah ini, JPS telah membantu PBT dalam memberikan khidmat nasihat teknikal. Kajian Pelan Induk Saliran Daerah Klang yang dikeluarkan pada tahun 2009 telah diedarkan kepada beberapa agensi berkaitan terutamanya semua PBT yang terlibat di dalam Daerah Klang.

JPS juga sedang melaksanakan Projek Menaiktaraf Saliran Pelabuhan Klang di mana Pakej 1 sedang dalam pembinaan manakala Pakej 2 sedang dalam penilaian untuk melantik kontraktor kerja fizikal.

Selain itu, kerjasama semua pihak terutamanya PBT dalam pengurusan aliran air ribut (*stormwater*) adalah amat diperlukan. PBT perlu

menyokong ulasan JPS dalam meluluskan apa-apa pelan pembangunan yang dikemukakan untuk kelulusan.

PBT juga dipohon untuk memantau pelaksanaan projek pembangunan terutamanya melibatkan sistem perparitan bagi memastikan syarat yang diletakkan dipatuhi oleh pemaju. Sebagai contoh, terdapat pemaju yang tidak mematuhi syarat JPS bahawa projek pembangunan perlu menyediakan pelan kawalan kelodak (*Erosion Sediment Control Plan* (ESCP)) semasa kerja pembinaan dilaksanakan. Kelodak yang terlepas dari kawasan pembangunan adalah punca utama banjir lumpur dan banjir kilat dikawasan pembangunan itu sendiri dan kelodak itu telah menyebabkan sistem saliran sedia ada menjadi cetek dan tersumbat.

Pihak Pemaju juga perlu sama-sama dipertanggungjawabkan dalam pengurusan aliran air ribut dengan pematuhan kepada apa-apa syarat yang telah ditetapkan oleh PBT. Pemaju juga disaran untuk mengambil tanggungjawab dalam menyediakan infrastruktur saliran dalam projek-projek yang dijalankan.

Sehubungan itu, pihak Kementerian melalui JPS menasihatkan sebarang pembangunan baru di kawasan terlibat banjir perlu ditangguhkan sehingga masalah banjir di kawasan terlibat telah diselesaikan terlebih dahulu kerana pembangunan baru akan menambahburukkan lagi keadaan.

Adalah ditekankan, pembangunan baru juga perlu mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh JPS melalui garis panduan Manual Saliran

Mesra Alam (MSMA) dengan sepenuhnya dan dipantau dengan rapi oleh PBT.

Sekian, terima kasih.